To make your gift, simply follow these secure giving options: Insert specific giving methods and details [here](https://shorturl.at/8HFT) or click this link <https://shorturl.at/8HFT> or scan this DuitNow QR code.



BACKGROUND & INFORMATION

This prayer guide was birthed as a companion when the pandemic restrictions began on March 18, 2020. Today, this prayer guide has served individuals, families and churches to encourage and to help to persevere in prayer for the kingdom of God to come and for God's will to be done in these unprecedented times. Since 2022, we have embarked on this new format which we hope will be helpful as an added resource for churches to use in their onsite prayer meetings and services.

An Adaptable Prayer Guide

© 2024 24-7 Prayer Asia You're welcome to adapt these prayer resources, but please don't copy the entire content verbatim and publish it. Contact admin@24-7prayerasia.com with questions about usage.

To Subscribe or Contact Us

If you would like to subscribe to the weekly prayer guide or if you have any answered prayers to share, please contact admin@24-7prayerasia.com



MINGGU 14 2025 ● Apr 6 - 12
ISU 263

PERJALANAN KE SALIB - RENUNGAN & MENYERAHKAN DIRI

**MALAYSIA: BERSINAR UNTUK YESUS,
MENERANGI SEMUA BANGSA**

 **24-7 PRAYER ASIA**



Untuk Edaran Persendirian Sahaja

P-R-A-Y



Berhenti sejenak dan berdiam



Bersukacita, memuji dengan
Mazmur dan merenung atas
Firman Tuhan



Minta dalam doa syafaat agar
Allah campur tangan, dan



Serahkan kepada kehendak-Nya
dalam hidupmu

JEDA & BERHENTI SEKETIKA

"Diamlah, dan ketahuilah Aku Allah;
Aku akan dimuliakan dalam kalangan
bangsa-bangsa,
Aku akan dimuliakan di bumi ini."

Mazmur 46:10 AVB



RENUNGAN: FIRMAN TUHAN

²⁴ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, jika benih gandum tidak jatuh di tanah lalu mati, benih gandum itu hanyalah benih. Tetapi sekiranya benih itu mati, benih itu akan banyak menghasilkan buah. ²⁵ Orang yang sayangkan hidupnya akan kehilangan hidup itu. Tetapi orang yang tidak sayangkan hidupnya di dunia ini akan mendapat hidup yang kekal. ²⁶ Sesiapa yang ingin mengabdikan kepada-Ku mesti mengikut-Ku, dan di mana Aku berada, di situlah juga abdi-Ku. Orang yang mengabdikan kepada-Ku akan dihormati oleh Bapa."

Yohanes 12:24-26 AVB

BERSUKACITA: Lagu Pujian

KARNA SALIB-MU

Hanya 'Kau Tuhan di hidupku
'Kau berikan hidup yang baru
Darah-Mu menyucikan pulihkan hatiku
Kunyatakan Kaulah segalanya

Engkaulah sumber pengharapan
Kuasa-Mu sanggup menyembuhkan
Jiwaku pun berserah hanya kepada-Mu
Yesus Kaulah segalanya

**Kar'na salib-Mu kuhidup
Kar'na salib-Mu kumenang
Engkau yang berkuasa
Sanggup 'tuk melakukan mujizat-Mu**



[Pautan YouTube](#)

BERMINTA

FOKUS BULANAN

April 2025

Keharmonian Keluarga & Sosial

"...terserlalah kamu seperti bintang dalam dunia, berpegang teguh pada firman yang memberikan kehidupan." - Filipi 2:16 AVB

Walaupun keadaan mungkin kelihatan semakin rumit, kita harus ingat bahawa bintang-bintang tidak takut akan kegelapan - tetapi menerangi kegelapan. Melalui doa syafaat secara bersatu yang berterusan, kita mengambil bahagian di dalam kehendak Allah untuk memerangi kegelapan dan menubuhkan kerajaan-Nya.



1. TAHUN MEMBANGKITKAN DOA

"Sungguh, dari terbitnya matahari sampai terbenamnya, nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa. Di setiap tempat dipersembahkan dupa bagi nama-Ku dan juga persembahan yang tahir, kerana nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa," demikianlah firman TUHAN alam semesta." - Maleakhi 1:11 AVB

Sewaktu doa syafaat selari dengan kehendak ilahi, ini akan mencetuskan pergerakan injili yang mengubah bangsa-bangsa. Doa-doa berterusan kita menjadi pemangkin untuk khabar penyelamatan Allah yang tidak dapat dihentikan. Sertai kita untuk doakan perkara-perkara berikut:

- Tahun Doa Malaysia dan Asia 2025 serta 24-7 Minggu Doa Sedunia (September 1-7, 2025), yang menandakan doa berterusan merentasi rantau.
- Kerjasama yang berhasil dengan gereja-gereja, jaringan doa, dan organisasi Kristian serta kelompok kecil di setiap negeri dan bandar di seluruh Malaysia.
- Latihan dan kursus untuk memperlengkapi para pengikut Kristus sebagai murid yang tekun berdoa.
- Bilik-bilik doa - "tempat nipis" sepertimana orang Celtic menamakannya sedemikian pada zaman silam - di mana setiap tempat nipis bertempat di kawasan penting dan terang syurga menembusi bayang-bayang di bumi, menjadi satu tanda peringatan akan panggilan kita untuk mencerminkan terang-Nya ke dunia.
- Para pendoa syafaat yang setia, yang terus berdoa seperti para Moravia tanpa henti selama 100 tahun dan menandakan permulaan pergerakan misi yang luarbiasa, akan terus berdoa untuk kebangunan rohani, dan memastikan nama Allah akan dimuliakan di kalangan semua bangsa.

2. FOKUS NEGERI: JOHOR

"Janganlah kita jemu berbuat baik, kerana pada musimnya nanti kita akan menuai jika kita tidak berputus asa. Oleh itu, apabila ada peluang, kita haruslah berbuat baik kepada semua orang, lebih-lebih lagi saudara-saudara kita yang seiman." — Galatia 6:9-10 AVB

- **Kesatuan Keluarga Merentasi Sempadan:** Berdoa untuk keluarga merentasi sempadan yang terpisah kerana bekerja di Singapura, agar ikatan kekeluargaan tetap kukuh walaupun berjauhan, dan agar Allah melindungi serta memelihara keluarga-keluarga ini walaupun mereka hidup berpisah.
- **Keharmonian Masyarakat & Perpaduan Sosial:** Berdoa untuk hubungan yang aman dan saling menghormati antara komuniti etnik dan agama yang pelbagai di Johor, serta agar jambatan persefahaman dapat dibina untuk mengatasi sebarang perbezaan.
- **Kepimpinan Bijaksana & Keadilan Ekonomi:** Berdoa untuk kerabat diraja Johor dan semua yang berkuasa, agar mereka memerintah dengan kebijaksanaan dan belas kasihan, menangani jurang ekonomi bandar-luar bandar, serta memastikan kesejahteraan bagi semua rakyat.



3. PEMBAHARUAN KELUARGA & RENUNGAN PERIBADI

"Paling utama, kasihilah satu sama lain kerana kasih akan menutup banyak dosa."

— 1 Petrus 4:8 AVB

- **Renungan Peribadi secara Ikhlas:** Berdoa agar keluarga dapat melakukan penilaian rohani yang jujur, mengenali pola yang menghalang kasih dan keharmonian, serta menerima kasih kurnia Allah untuk berubah.
- **Pengampunan & Perdamaian:** Berdoa agar diberikan keberanian untuk mencari dan menghulurkan pengampunan dalam hubungan keluarga, menyembuhkan luka lama dan membina semula kepercayaan berdasarkan teladan Kristus.
- **Kasih yang Berkorban:** Berdoa agar ibu bapa dan anak-anak menghayati pengorbanan seperti Kristus dalam interaksi harian, memilih sikap tidak mementingkan diri sendiri daripada kepentingan peribadi, serta melayani daripada sekadar dilayani.
- **Ritma Keluarga yang Beriman:** Berdoa agar keluarga dapat membina amalan rohani yang bermakna sepanjang musim Pra-Paskah, berdoa bersama, membaca Kitab Suci bersama, dan berbincang tentang iman.

4. FOKUS KEBANGSAAN: PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN BELIA

“Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia — untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat. Inilah yang baik dan diredai oleh Allah Penyelamat kita yang berkehendakkan semua manusia diselamatkan dan mengetahui apa yang benar.” - 1 Timotius 2:1-4 AVB

- **Reformasi Pendidikan:** Doakan para pemimpin dalam kementerian pendidikan agar diberikan hikmah, kebijaksanaan, dan integriti dalam pembentukan kurikulum di era digital ini. Doakan agar semua orang diberi akses pendidikan yang sama rata, terutamanya komuniti yang terpinggir. Doakan sistem pendidikan tidak hanya mengasuh minda tetapi juga hati, melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan penuh kasih.
- **Latihan dan Sokongan untuk Guru:** Doakan para guru akan menerima latihan, sumber, dan galakan yang mereka perlukan untuk memenuhi panggilan mereka. Doakan guru-guru dapat mengatasi cabaran dengan daya ketahanan dan kasih karunia. Doakan berkat dan kemurahan Allah akan dicurahkan atas usaha mereka, sehingga memberi kesan yang mendalam kepada para pelajar mereka.
- **Latihan Vokasional Belia dan Pembangunan Ko-Kurikulum:** Doakan program-program yang memperlengkapi belia dengan kemahiran hidup praktikal dan membina peribadi yang kukuh. Doakan para belia dilindungi daripada pengaruh negatif, gangguan, dan tekanan rakan sebaya yang merosakkan.
- **Pembentukan Rohani:** Doakan keberkesanan pelayanan kampus dan usaha mereka untuk menjangkau para pelajar dengan Injil. Doakan Allah akan menguatkan program pemuridan belia dan membantu mereka membimbing pelajar dalam perjalanan iman mereka. Doakan segala kubu rohani kuat yang menjadi menghalangan di institusi-institusi pendidikan dirobohkan, dan agar cahaya Allah bersinar terang di tempat-tempat ini.

5. FOKUS ASIA: KESAN GEMPA BUMI DAHSYAT DI MYANMAR DAN THAILAND

"Dia menyembuhkan mereka yang patah hati dan membalut luka mereka." — Mazmur 147:3 AVB

- **Respon Kecemasan dan Usaha Menyelamatkan:** Berdoa untuk pasukan penyelamat antarabangsa yang bertugas di Myanmar dan Bangkok, terutamanya mereka yang mencari 47 orang yang masih hilang akibat runtuh bangunan tinggi berhampiran Pasar Chatuchak. Mohon hikmat ilahi, keselamatan, dan keberkesanan dalam usaha mereka yang berpacu dengan masa.
- **Golongan Terjejas di Myanmar:** Berdoa untuk lebih daripada 2,700 mangsa yang telah meninggal dunia serta keluarga mereka yang sedang berdukacita, 2,376 yang cedera, dan komuniti di Mandalay serta kawasan sekitarnya. Berdoa khususnya untuk mereka di kawasan terpencil yang sukar menerima bantuan akibat cabaran politik dan infrastruktur.
- **Bantuan Kemanusiaan & Kesulitan Politik:** Berdoa agar laluan bantuan kemanusiaan dibuka bagi mencapai semua kawasan yang terjejas, mengatasi halangan politik yang ditimbulkan oleh junta tentera Myanmar. Mohon kebijaksanaan bagi organisasi bantuan antarabangsa dalam menangani situasi yang kompleks akibat perang saudara yang berterusan.
- **Kestabilan Serantau & Pemulihan Jangkamasa Panjang:** Berdoa untuk kesan yang lebih luas di seluruh Asia Tenggara, termasuk gempa susulan dan kesan ekonomi. Berdoa untuk kawasan yang terjejas di Thailand, khususnya Bangkok, serta kepimpinan yang bijak dalam usaha pemulihan di kedua-dua negara.

6. KOMUNITI KRISTIAN: KESATUAN & KEMENANGAN HARI PASKAH

"Kita tidaklah mempunyai Imam Besar yang tidak dapat merasakan kelemahan kita. Sebaliknya dalam segala hal Dia telah menghadapi godaan seperti yang kita hadapi, tetapi Dia tidak melakukan dosa." - Ibrani 4:15 AVB

- **Kesatuan dalam Kepelbagaian:** Doakan semua umat Kristian di Malaysia akan menghormati doa Yesus "supaya mereka semua menjadi satu sebagaimana Engkau di dalam-Ku dan Aku di dalam-Mu." Doakan gereja-gereja akan mengenali kesatuan mereka di dalam Kristus sambil menghormati cara penyembahan yang unik di Malaysia yang kaya dari segi budaya.
- **Kesaksian yang Luarbiasa Melalui Kesatuan:** Doakan kesatuan gereja akan menjadi satu kesaksian yang luarbiasa kepada negara, menggenapi kata-kata Yesus sendiri: "...supaya mereka bersatu sepenuhnya. Dengan demikian dunia akan tahu bahawa Engkau sebenarnya telah mengutus-Ku." Doakan kasih Kristian sejati yang mengatasi perpecahan kaum dan status sosial pada musim Paskah ini.
- **Mengalami Kemuliaan Allah Bersama-sama:** Doakan umat Kristian akan mengalami kemuliaan yang dinyatakan Yesus sendiri: " Aku memberi mereka kemuliaan yang Kauberikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu sebagaimana Kita adalah satu." Doakan gereja-gereja akan bersatu secara nyata dan bukan secara luaran sahaja yang mencerminkan kesatuan di antara Bapa, Anak, dan Roh Kudus pada perayaan kebangkitan Kristus.

7. KEPIMPINAN GEREJA: GEMBALA YANG BERKENAN DALAM HATI KRISTUS

"Apabila Yesus melihat orang yang ramai itu, Dia berbelas kasih terhadap mereka kerana mereka bimbang dan tidak berdaya, ibarat sekawan domba tanpa gembala." - Matius 9:36 AVB

- **Hati Gembala untuk Kesatuan:** Berdoalah agar para pemimpin gereja di Malaysia menghayati doa Yesus: "supaya mereka semua menjadi satu." Mohon hikmat bagi para pastor dan penatua dalam membina jambatan merentasi denominasi, bahasa, dan latar belakang budaya, sambil memelihara kesatuan dalam jemaat mereka sendiri. Berdoalah agar mereka menangani perpecahan dalaman dengan ketegasan yang penuh kelembutan, mencontohi kerendahan hati Kristus yang mengutamakan tujuan Kerajaan Allah lebih daripada pengiktirafan atau pertumbuhan pelayanan individu.
- **Kepimpinan yang Mencerminkan Kesatuan Ilahi:** Berdoalah agar para pemimpin gereja menghayati hubungan Tritunggal seperti yang digambarkan oleh Yesus: "sama seperti Engkau di dalam Aku dan Aku di dalam Engkau." Mohon agar para pastor di Malaysia memperlihatkan hubungan yang tulus dengan satu sama lain, mencerminkan kasih, kepercayaan, dan penyerahan diri yang sempurna dalam Tritunggal, sehingga menjadi kesaksian kepemimpinan Kristian yang kuat kepada orang percaya dan mereka yang mencari kebenaran. Doakan juga agar mereka menanamkan semangat kesatuan yang sama di kalangan pekerja, sukarelawan, dan anggota gereja mereka.
- **Keberanian untuk Merobohkan Halangan:** Berdoalah agar para pemimpin gereja diberi keberanian untuk mengenal pasti dan meruntuhkan semua penghalang kepada kesatuan, agar kehendak Yesus digenapi: "supaya mereka menjadi satu sepenuhnya." Doakan para pemimpin menerima bimbingan ilahi dalam menangani perbezaan budaya, teologi, dan sejarah dengan kasih dan kebijaksanaan, baik antara jemaat mereka mahupun dalam tubuh Kristus yang lebih luas. Berdoalah secara khusus untuk hikmat pada musim Paskah, ketika mesej kesatuan melalui kebangkitan Kristus dapat mengatasi perpecahan, baik dalaman mahupun luaran.

8. FOKUS KHAS: BELIA & DEWASA MUDA

"Bahawa akan berlaku pada akhir zaman, firman Allah, Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia. Anakmu lelaki perempuan akan bernubuat, Orang mudamu akan melihat penglihatan, Orang tuamu akan bermimpi." - Kisah Para Rasul 2:17 AVB

- **Pendirian yang Berani:** Berdoalah agar mereka berani untuk tetap teguh dalam iman mereka, walaupun terpaksa bersendirian. Doakan hikmat dan kekuatan ilahi supaya mereka dapat membuat pilihan yang selaras dengan kehendak Tuhan dalam situasi mencabar serta menjadi saksi yang berani bagi kebenaran-Nya. Khususnya doakan agar mereka dapat mengalami Allah secara peribadi yang jauh melebihi warisan iman mahupun rutin kerohanian selama ini. Doakan detik-detik di mana mereka akan memiliki iman peribadi mereka.
- **Gaya Hidup Kudus:** Berdoalah agar mereka dikuasai oleh Roh Kudus untuk menjaga kekudusan dalam pemikiran, perkataan, dan perbuatan. Bantu mereka menghadapi cabaran media sosial, hubungan, dan tekanan rakan sebaya sambil terus menjaga hati mereka agar tetap selari dengan tahap kesucian Allah.
- **Nabi-Nabi Digital:** Jangan doakan untuk menentang pengaruh negatif teknologi, tetapi doakan orang muda akan menjadi nabi-nabi digital - dengan menguasai pemahaman tentang media sosial serta teknologi untuk kongsi kebenaran Allah secara kreatif dan menjangkau rakan-rakan sebaya mereka di mana juga.
- **Arkitek Budaya:** Doakan para belia tidak setakat menentang aliran budaya semasa tetapi memainkan peranan untuk membentuknya. Minta daya kreatif serta inovasi ilahi dari Allah untuk menubuhkan norma budaya baru yang berdasarkan nilai-nilai alkitabiah.
- **Menjambatani Pelbagai Generasi:** Doakan para belia dapat menjalin hubungan yang bermakna dengan generasi yang lebih tua - bukan sekadar menerima nasihat tetapi mengongsikan perspektif baru untuk menolong gereja bersiap sedia untuk menjangkau generasi mereka dengan berkesan.

9. ISU-ISU SEMASA KEBANGSAAN UNTUK DIDOAKAN

"Perbenaran meninggikan martabat sesuatu bangsa, tetapi dosa menjadi keaiban mana-mana sahaja bangsa." - Amsal 14:34 AVB

- **Situasi banjir di Johor, Sabah & Sarawak:** Ingatkan ribuan mangsa banjir yang terkesan di Johor, Sabah, dan Sarawak di dalam doa, di mana hampir 10,000 orang telah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara. Doakan penghiburan, kekuatan, dan harapan kepada mereka yang telah kehilangan harta dan rumah masing-masing. Doakan pasukan-pasukan pengurusan bencana dan sukarelawan yang bertungkus-lumus di kawasan-kawasan yang terkesan. Mintalah Allah untuk menenangkan keadaan, melindungi infrastruktur-infrastruktur penting, dan mencegah sebarang pemindahan lagi. Doakan hadirat-Nya yang menyembuhkan dapat dirasakan di setiap pusat pemindahan sementara, dan golongan yang paling terkesan akan menerima bantuan yang sewajarnya.
- **Jawatan-Jawatan Penting dan Berpengaruh:** Doakan Agong, Sultan-Sultan, Perdana Menteri dan Kabinet beliau, semua Ahli Parliamen, Gabenor-Gabenor dan Ketua-Ketua Menteri, pemimpin-pemimpin jawatan awam, dan pembuat dasar, serta mereka yang terlibat dalam perhubungan antarabangsa - doakan kerendahan hati, kesediaan untuk berkorban, dan hikmat di dalam pentadbiran melalui jawatan-jawatan masing-masing. Doakan hikmat ilahi untuk setiap keputusan, agar hati mereka sentiasakan mengutamakan keadilan dan kedamaian, perlindungan daripada pengaruh-pengaruh yang jahat, keberanian untuk berdiri demi kebenaran dan keinginan untuk melihat perpaduan di antara kepelbagaian. Doakan semua pemimpin yang menunaikan tanggungjawab yang ditetapkan di dalam perlembagaan mereka serta yang mengutamakan kebajikan negara tanpa mengambil kira tekanan politik dan kepentingan sesetengah pihak.
- **Pilihan Raya Negeri Sabah:** Doakan pilihan raya yang adil dan bersih di Sabah, bebas daripada rasuah dan manipulasi. Doakan agar para pengundi akan memilih pemimpin yang berintegriti dengan hikmat dan kearifan. Doakan perlindungan daripada kesan-kesan tuduhan rasuah serta caturan politik yang mungkin menjadi halangan kepada perpaduan dan kemajuan negeri Sabah.

9. ISU-ISU SEMASA KEBANGSAAN UNTUK DIDOAKAN (disambung)

"Perbenaran meninggikan martabat sesuatu bangsa, tetapi dosa menjadi keaiban mana-mana sahaja bangsa." - Amsal 14:34 AVB

- **Meneguhkan Penjaga Keadilan Malaysia:** Kita bersyukur kepada Allah atas lanjutan tempoh perkhidmatan ramai Hakim Mahkamah Persekutuan dan berdoa agar Ketua Hakim Negara, Tengku Maimun, yang telah berkhidmat dengan cemerlang dapat terus menjadi teladan selepas persaraan beliau pada bulan Julai. Berdoalah agar para Hakim Mahkamah Persekutuan menegakkan kedaulatan undang-undang dan kebebasan kehakiman tanpa campur tangan politik. Kita juga doakan kepentingan proses pemilihan bagi Ketua Polis Negara yang baharu, ketika Tan Sri Razarudin menamatkan tempoh perkhidmatannya pada bulan Jun. Semoga hikmat ilahi membimbing Suruhanjaya Pasukan Polis dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam mempertimbangkan Timbalan KPN, Datuk Seri Ayob Khan, serta calon-calon lain dalam peralihan penting ini di Bukit Aman. Berdoalah agar sistem kehakiman dan penguatkuasaan undang-undang negara kita diperkukuh serta dilindungi daripada sebarang manipulasi politik.
- **Kebertanggungjawaban Kerajaan & Rasuah:** Berdoalah agar kebenaran ditegakkan dalam isu-isu rasuah dan pentadbiran. Doa secara khusus pengendalian kes-kes rasuah berprofil tinggi, agar keadilan dilaksanakan tanpa kompromi atau campur tangan politik.
- **Perpaduan Negara:** Doakan penyembuhan atas perpecahan kaum dan agama, terutamanya polarisasi yang semakin meningkat serta cabaran-cabaran kompleks di Malaysia. Doakan para menteri yang sederhana dan berusaha membina jambatan antara komuniti sambil menumpukan perhatian kepada keperluan keadilan, integriti, dan perpaduan dalam kepimpinan negara dan masyarakat. Doakan perlindungan atas hak perlembagaan dan kebebasan beragama untuk semua rakyat Malaysia.
- **Krisis Penjagaan Kesihatan Awam:** Doakan hikmat, belas kasihan, dan tindakan muktamad daripada pegawai-pegawai kerajaan dan para pentadbir penjagaan kesihatan untuk mengutamakan kebajikan pekerja kesihatan dan melaksanakan perubahan-perubahan yang wajib sebelum sistem penjagaan kesihatan menjadi parah.

MENYERAH DIRI KEPADA KEHENDAK BAPA KITA SAMBIL MENYATAKAN DATANGLAH KERAJAAN-MU

DOA BAPA KAMI

Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.
Datanglah kerajaan-Mu.
Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.
Berilah kami makanan untuk hari ini.
Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni mereka yang
bersalah terhadap kami.
Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan
dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.

Matius 6:9-13 AVB



BERDIAM

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

“Diamlah, dan ketahuilah Aku Allah; Aku akan dimuliakan dalam kalangan bangsa-bangsa, Aku akan dimuliakan di bumi ini.”

- Mazmur 46:10 AVB


DIARI DOA & LAMPIRAN



PANDUAN UNTUK MUAT TURUN PELBAGAI SUMBER DAN MENDAFTARKAN PENGLIBATAN ANDA

1. Pendaftaran 24-7 Pantauan Doa untuk Tahun Doa Malaysia 2025

Sila isikan borang ini untuk mendaftarkan waktu pantauan doa yang sesuai untuk melibatkan diri dalam berdoa untuk bangsa. Sila daftarkan bilik doa anda di sini juga supaya kita dapat senaraikan anda di dalam direktori bilik doa. Klik pautan ini untuk pendaftaran: <https://shorturl.at/W0WAp> atau imbas kod QR.



2. Berhenti untuk Memuji Doa Bapa Kami dan Doa Tengah Hari Jumaat

Sila isikan borang ini untuk melibatkan diri di dalam Berhenti untuk Memuji. Klik pautan ini untuk pendaftaran: <https://shorturl.at/1dNaS> atau imbas kod QR.



3. Sumber Tahun Doa Malaysia 2025

Untuk muat turun sumber-sumber MYOP 2025, sila klik pautan ini <https://shorturl.at/Vbce8> atau imbas kod QR.



BAGAIMANA MENGGUNAKAN PANDUAN DOA MINGGUAN INI

Panduan Doa Mingguan untuk Malaysia ini menyepadukan tema-tema bulanan dengan fokus pada negeri, hal-ehwal kebangsaan, dan konteks rantau Asia, menjadi satu rangka komprehensif untuk doa berterusan dan strategik sepanjang Tahun Doa Malaysia 2025.

Cadangan Kumpulan Doa Bulanan

- Membentuk kumpulan kecil yang berfokus akan tema bulanan
- Kongsikan kesaksian untuk doa yang dijawab
- Membaca Firman Tuhan dan menyembah Dia
- Doa khusus untuk negeri tertentu
- Jangan lupakan perkembangan terbaru serantau dan hal-ehwal sedunia yang penting

1. Ikuti tema-tema dan fokus bulanan
2. Gunakan cadangan rangka doa harian dan Panduan Doa Mingguan
3. Melibatkan diri di dalam cadangan inisiatif doa
4. Berhubung dengan jaringan doa serantau
5. Melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti doa komuniti
6. Kumpulkan beberapa orang lain untuk berdoa - di gereja, komsel, kampus, dan sekolah!
7. Mulakan doa 24-7 di gereka dan komuniti anda



MENCARI RITMA DOA HARIAN ANDA

Doa bukan sahaja sesuatu hal yang harus dilakukan mahupun tugas rohani untuk sejam—ia melibatkan pupukan perhubungan sejati yang ikhlas dan bertumbuh dengan Yesus setiap hari. Cuba fikirkan doa sebagai denyutan jantung yang memberi kehidupan dan makna kepada setiap hari.

Mari mulakan ritma harian tahun ini, di mana setiap pagi bermula dengan Firman Tuhan dan penyembahan, setiap tengah hari menjadi peluang untuk menyelarikan hati kita dengan Allah, dan setiap petang mengalami kedamaian di dalam hadirat-Nya.

- Aplikasi Lectio 365: Aplikasi cantik yang menjadi teman doa harian anda. Aplikasi ini membantu anda berhenti sejenak, bernafas, dan berhubung dengan Yesus melalui bacaan harian tetap dan renungan. Muat turun Lectio 365 di sini: ow.ly/XMRO50UvW9b
- Membentuk Rangka Harian: Bentukkan rangka harian berdasarkan struktur doa yang fleksibel, sesuai dengan jadual dan keperluan rohani anda, menolong anda memupuk waktu yang intim dan konsisten dengan Yesus sepanjang hari.

 **24-7 PRAYER ASIA**

Mulakan tahun baru dengan hubungan harian bersama Yesus




Imbas untuk App



Lectio 365

Berdoalah dengan Alkitab setiap hari



Untuk Edaran Persendirian Sahaja

CADANGAN UNTUK MENUBUHKAN RITMA DOA HARIAN

Berikut adalah beberapa idea untuk anda membentuk ritma doa harian anda.

1. BERHENTI UNTUK MEMUJI 7X SEHARI

"Tujuh kali sehari aku memuji-Mu kerana hukum-hukum-Mu yang benar." - Mazmur 119:164 AVB

Pujian memuliakan Allah. Semakin kita sibuk, semakin banyak kita memerlukan Allah. Semakin banyak kita perlu berhenti untuk berdoa dan memuji. Ini adalah amalan untuk membantu kita bersukacita selalu, berdoa tanpa henti, dan mengucapkan syukur dalam segala keadaan.

Semoga ini membantu mengubah rutin harian kita supaya lebih dekat kepada Allah dan memuliakan-Nya, membawa hadirat Allah ke dalam situasi harian kita, serta membina ritma doa yang semula jadi seperti bernafas yang akan membawa damai dan menjaga hati serta fikiran kita dalam Kristus Yesus.

2. BERHENTI UNTUK BERDOA 3X SEHARI

"Apabila Daniel mengetahui bahawa surat itu telah ditandatangani, masuklah dia ke rumahnya. Dalam bilik atasnya terdapat jendela-jendela yang terbuka menghadap Yerusalem. Tiga kali sehari dia bertelut, berdoa, dan mengucapkan syukur kepada Allahnya, seperti yang biasa dilakukannya selama ini." - Daniel 6:10 AVB

- Doa Pagi (6 AM - 9 AM) Meditasi Firman Tuhan, pujian & penyembahan, doa syafaat untuk keluarga, tempat kerja, dan keperluan peribadi
- Doa Tengah Hari (12 PM - 3 PM) Doa Bapa Kami, berdoa untuk Kerajaan-Nya datang dalam bidang-bidang tertentu seperti komuniti, negara, dan tempat kerja
- Doa Petang (6 PM - 9 PM) Ucapan syukur dan renungan, waktu doa keluarga, persekutuan doa komuniti, berdoa untuk gereja dan negara-negara Asia



BERHENTI UNTUK MEMUJI

Sertai kita pada 12 tengah hari ini di mana kita bersatu dalam doa untuk seketika, dan doakan Doa Bapa Kami. Tidak kira di mana juga anda berada, di tempat kerja, di rumah, ataupun di luar, mari kita ambil peluang ini untuk menyelaraskan hati kita dengan hati Allah - untuk memuji nama-Nya, mengalu-alukan kerajaan-Nya, dan melaksanakan kehendak-Nya!

"Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.
Datanglah kerajaan-Mu.
Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.
Berilah kami makanan untuk hari ini.
Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni
mereka yang bersalah terhadap kami.
Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan,
kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN."

Tetapkan penggera setiap hari (di dalam telefon bimbit anda!) untuk melakukan perkara yang bermakna ini bersama-sama. Walaupun kita berjauhan secara fizikal, tetapi kita bersatu di dalam roh sewaktu kita doakan Doa Bapa Kami. Klik pautan untuk mendaftarkan diri:
<https://forms.gle/b4srmX6RZbjZ5FTx5> atau imbasan kod QR.



Imbas untuk
mendaftar



DOA TENGAH HARI JUMAAT

Sertai persekutuan doa mingguan maya kita setiap hari Jumaat dari jam 12 tengah hari hingga 1 petang, yang memberi tumpuan kepada rakan-rakan dan jiran kita di seluruh Asia Tenggara, Timur Tengah, Afrika, dan kawasan lain. Kita akan meluangkan masa sejam untuk mendoakan komuniti yang mungkin belum mengetahui betapa dalamnya kasih Bapa dan menemui kebenaran Penyelamat kita, Yesus Kristus.

Apa yang anda boleh jangkakan:

- Panduan tema doa setiap minggu
- Fokus pada Injil untuk mereka yang paling kurang dijangkau
- Doa untuk keamanan dan kebangkitan rohani
- Persekutuan komuniti dengan matlamat yang bersatu

Ini adalah ruang yang selamat, khas untuk menunjukkan kasih melalui doa syafaat untuk semua bangsa, terutama bagi saudara seiman daripada latar belakang budaya yang berbeza. Bersama-sama, kita akan memohon hikmat ilahi, pengertian, dan pertemuan yang mengubahkan hidup melalui Mukjizat (pertemuan supranatural), Gerakan (kebangkitan komuniti), dan Mesej (bertemu dengan kebenaran).

Klik pautan ini untuk mendaftar diri:
<https://forms.gle/b4srmX6RZbjZ5FTx5>

Atau imbaskan kod QR



KALENDAR LATIHAN, ACARA, DAN MUSIM DOA

LATIHAN DOA INTENSIF SEHARI

Bandar	Tempat	Tarikh
Segamat	Segamat Wesley	26 April 2025
Kluang	KBM Presbyterian*	12 Mei 2025

*Diajar dalam Bahasa Malaysia

PERSEKUTUAN & KONFERENSI

Bandar	Tempat	Acara	Tarikh
Johor Bahru	JB Wesley	Persekutuan Doa Wanita	1-4 Mei 2025
Kuala Lumpur	Wisma Anglican	Persekutuan Doa Kebangsaan	24-26 Julai 2025
Kuching	tbc	Persekutuan Doa Wira (kali pertama)	10-11 Okt 2025
Kuala Lumpur	HTBB	Asia Gathering	13-15 Nov 2025


LATIHAN-LATIHAN LAIN

Bandar	Tempat	Jenis	Tarikh
Bintulu	Girls' Brigade Msia	Konferensi Doa Kanak-Kanak	5-6 Apr 2025

MUSIM-MUSIM DOA

Acara	Tarikh
40 Hari Puasa & Doa	1 Mac - 17 Apr 2025
Perayaan Menuai Pujian & Kesyukuran	30 Mei - 2 Jun 2025
Minggu Doa Sedunia	1-7 Sep 2025

MENABUR BENIH & PEMBERIAN KASIH



Rakan-rakan dan Para Pendoa yang dikasihi,

Sewaktu kita meraikan musim yang penuh sukacita dan kesyukuran, kami amat terharu dengan kesudian anda untuk menyokong pelayanan 24-7 Prayer Asia. Sumbangan anda yang murah hati, sama ada melalui pemberian Krismas, Angpau, atau pemberian kasih, adalah seperti benih berharga yang menyokong misi kami untuk membangunkan doa yang berterusan di seluruh Asia.

Pelayanan kami sebahagian besarnya melibatkan sukarelawan yang berdedikasi, yang memberikan masa dan hati mereka untuk visi ini. Setiap sumbangan yang anda taburkan ke dalam pelayanan ini membantu kami:

- Menubuhkan dan menyokong bilik doa merentasi komuniti-komuniti Asia
- Melatih dan memperlengkapi pemimpin doa serta memuridkan pengikut Kristus yang tekun berdoa
- Mengembangkan pusat penterjemahan untuk menjangkau lebih banyak Bahasa lain
- Menghasilkan sumber audio-visual dalam bahasa tempatan
- Menghubungkan pendoa syafaat di seluruh rantau ini
- Menganjurkan perhimpunan doa dan bengkel
- Menyokong rangkaian sukarelawan kami
- Mengukuhkan asas gerakan doa 24-7 di seluruh Asia

Kerjasama anda melalui pemberian membolehkan kami terus membina jambatan doa yang merentasi budaya, bahasa, dan bangsa. Setiap sumbangan, tidak kira jumlahnya, memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan memperluaskan wawasan kami untuk melihat komuniti-komuniti diubah melalui doa yang berterusan.

Untuk membuat pemberian anda, sila ikuti pilihan pemberian yang selamat ini: Masukkan kaedah dan butiran pemberian tertentu di sini atau klik pautan ini <https://shorturl.at/8HFTE> atau imbas kod QR DuitNow ini.



LATARBELAKANG & INFORMASI

Panduan doa ini dilahirkan sebagai teman apabila sekatan pandemik bermula pada 18 Mac 2020. Hari ini, panduan doa ini telah digunakan secara individu, keluarga, dan gereja juga, untuk menggalakkan dan memberkati supaya kita terus berdoa agar kerajaan Allah datang dan kehendak Allah dilaksanakan pada saat-saat yang tidak tertentu ini. Sejak tahun 2022, kami telah memulakan format baharu ini yang kami harap akan membolehkan gereja menggunakan sumber ini di persekutuan doa dan ibadahraya.

Panduan Doa yang Boleh Disesuaikan

© 2024 24-7 Prayer Asia
Anda boleh menyesuaikan panduan doa ini untuk kegunaan anda sendiri, tetapi jangan menirunya bulat-bulat dan menerbitkannya. Hubungilah admin@24-7prayerasia.com jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Untuk Melanggan atau Berhubung dengan Kami

Jika anda ingin melanggan panduan doa mingguan ini atau jika anda mempunyai sebarang kesaksian atau perkongsian, sila hubungi admin@24-7prayerasia.com

